



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA  
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA)  
WISMA TANI  
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373/1378

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : [pro@moa.gov.my](mailto:pro@moa.gov.my)

Homepage : <http://www.moa.gov.my>

## FACTSHEET

### MEDIA TOUR HARI PELADANG PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN 2019

1. Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) merupakan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam menyediakan sebuah platform kepada peladang, penternak dan nelayan untuk mengetengahkan hasil-hasil pertanian dan teknologi terkini serta membuka peluang perniagaan kepada mereka yang berminat dengan sektor pertanian.
2. HPPNK pada tahun ini atau HPPNK 2019 akan diadakan di Angsana Johor Bahru Mall bermula pada 28 November hingga 1 Disember 2019.
3. Pada hari ini, MOA akan mengadakan sesi *Media Tour* bersama para media di mana YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub akan membawa rakan-rakan media ke sekitar tapak HPPNK 2019 untuk diberikan penjelasan tentang tarikan yang ada di HPPNK 2019.
4. HPPNK 2019 bakal menampilkan 6 kluster aktiviti yang akan dijalankan sepanjang ekspo iaitu:
  - Makanan dan Minuman
  - Gaya Hidup
  - Kesejahteraan
  - Hasil Pertanian
  - Agro Teknologi
  - Pembangunan Modal Insan
5. Seperti acara HPPNK sebelum ini, pengunjung dijangka akan hadir seramai 500,000 orang sepanjang empat hari acara berlangsung dan bakal menjana transaksi sebanyak RM30 juta.
6. Antara WOW Factor yang terdapat di HPPNK adalah 13 pavilion negeri yang masing-masing mempunyai reka bentuk yang unik yang turut dijangka akan menampilkan ciri-ciri negeri-negeri di Malaysia termasuk produk, makanan, kebudayaan dan lain-lain yang boleh dinikmati oleh pengunjung.

7. Satu lagi tarikan yang sentiasa popular dalam kalangan pengunjung adalah jualan bahan-bahan pertanian dan makanan antaranya ialah produk-produk Industri Asas Tani (IAT), buah-buahan dan sayuran segar, anak pokok dan bunga-bunga, ikan, makanan laut segar serta kerang-kerangan.
8. Forum Perdana Ehwat Islam juga akan disiarkan secara langsung buat julung kalinya dari tapak HPPNK 2019 di Angsana Johor Bahru Mall pada malam pertama HPPNK 2019 iaitu pada 28 November 2019. Forum yang dibawakan khas oleh KADA dan AgroBank bersama-sama JAKIM, RTM, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) akan menampilkan panel-panel yang berwibawa iaitu Dato' Ahmad Badli Shah Alaudin, Ustaz Ghazali Ibrahim dan Saudara Mohd Hariri Mat Daud sebagai moderator.
9. Seterusnya, elemen tarikan baru di HPPNK 2019 iaitu Malam Budaya dan Senitani, bakal menampilkan persembahan kebudayaan seperti persembahan zapin, puisi, sajak, syair, teater Menunggu Kata Dari Tuhan, persembahan angklung, konsert artis jemputan yang akan kita bawakan pada malam kedua dan ketiga HPPNK 2019.
10. HPPNK sentiasa popular dengan jualan segar hasil pertanian, makanan dan minuman yang mana sebanyak 345 menu juadah popular akan dibawa dan kali ini menu yang dibawa bakal mengetengahkan menu etnik dari seluruh Malaysia di Empayar Makanan. Sehubungan dengan itu, Empayar Makanan HPPNK 2019 kali ini akan menonjolkan pelbagai menu etnik dan warisan dari setiap negeri di Malaysia seperti laksa, bihun sup, char kiew teow, rendang tok, nasi lemak, masak lemak cili api, asam pedas, otak-otak, keropok lekor, puding raja, nasi kerabu, nasi dagang, mee kolok dan latok serta pelbagai jenis kuih tradisional.
11. HPPNK 2019 yang melibatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri Johor dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di mana Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai Agensi Pelaksana, bakal memberi peluang dan ruang kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan melalui ekspo yang berlangsung sama ada melalui pemerhatian dan pembelajaran dalam teknologi baharu pertanian, mencari ruang pasaran, mempamer serta mempromosi produk masing-masing.

**27 November 2019**

**KEMENTERIAN PERTANIAN**

**DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Blok 4G1, Wisma Tani, Persiaran Perdana,

Presint 4, 62624, Putrajaya

[www.moa.gov.my](http://www.moa.gov.my), 03-8870 1000